

## **BAB 19: HUTANG, INSURANS, DAN SAHAM**

### **Jenis-jenis Insurans**

Insurans merupakan salah satu bentuk muamalah berteraskan sistem ekonomi yang baru muncul berbanding bentuk-bentuk muamalah yang lain. Manusia secara umumnya sentiasa memikirkan untuk menghindari bahaya. Siapa yang mahu terjebak ke dalam bahaya atau kebinasaan? Islam sendiri menyuruh umatnya tidak menjebakkan diri ke dalam bahaya kebinasaan.



*\* Menabung dan melaburlah untuk jaminan masa depan yang gemilang*

Hal ini dikuatkan lagi dengan firman Allah dalam Al-Quran yang bererti:

*"... dan janganlah kamu campakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan..."*

Justeru, manusia sama ada Islam atau bukan Islam harus mencari inisiatif yang tersendiri. Ini bertujuan mengelakkan kecederaan, kematian, kerugian, dan sebagainya walaupun alternatif tersebut hanya memberi manfaat selepas berlakunya bahaya itu. Dengan mendapat pampasan terhadap kerugian berbentuk insurans, sekurang-kurangnya kerugian yang terpaksa dialami akibat musibah dapat dikurangkan atau diringankan.

### **Definisi Insurans Dari Segi Bahasa**

Insurans dari segi bahasa dan gambaran masyarakat ialah suatu keadaan untuk mendapatkan perlindungan atau jaminan keselamatan iaitu satu jaminan ganti rugi atau pampasan kewangan apabila berlaku sesuatu bencana seperti insurans terhadap nyawa, kemalangan, kecurian, rompakan, pencabulan, dan sebagainya.

Terdapat pelbagai definisi yang dikemukakan oleh para ulama mahupun sarjana ekonomi tentang topik insurans. Namun, walaupun terdapat pelbagai definisi yang diketengahkan tetapi tujuannya masih menjurus ke arah menerangkan bahawa insurans adalah jaminan keamanan.

Kamus Dewan mendefinisikan insurans sebagai perjanjian tanggungan yang dibuat oleh sesebuah syarikat untuk menggantikan kerugian seseorang dengan bayaran premium tertentu.

Di dalam bahasa Arab pula, lafaz insurans disebut sebagai *at-ta'min* - التأمين. Perkataan ini adalah lafaz baru di dalam bahasa Arab yang diinterpretasikan dari perkataan Perancis *Assurance* dan perkataan Inggeris *Insurance* yang memberi maksud jaminan keamanan. Perkataan التأمين pula dari segi bahasa ialah: الأمن yang bererti aman dan menghindarkan ketakutan.

### ***Definisi Insurans Dari Segi Istilah***

Insurans ialah suatu perjanjian yang bermaksud: “Akad yang melazimkan *al-muammin* (syarikat insurans) berperanan untuk menunaikan sesuatu kepada *al-muamman lahu* (pemegang polisi) atau kepada *al-mustafid* pengambil faedah yang telah disyaratkan iaitu: *mablagh minal mal* (sejumlah pampasan) atau sesuatu yang dipersetujui antara syarikat dan pemegang polisi sewaktu berlakunya musibah atau kemalangan seperti yang diterangkan dalam akad sedangkan pemegang polisi pula perlu membayar premium yang ditetapkan kepada syarikat insurans.

Di dalam definisi di atas dapat dikeluarkan tiga perkara asas iaitu:

1. Syarikat insurans membayar pampasan kepada pemegang polisi apabila berlaku musibah atau kemalangan.
2. Pemegang polisi membayar premium kepada syarikat insurans.
3. Berlakunya kemalangan atau risiko yang teruk.

Kebanyakan para pengkaji topik ini ketika mengemukakan definisi, mereka turut merujuk kepada definisi yang diberikan oleh *Qanun Madani* (Undang-undang Negara) dan tidak jauh berbeza. Boleh dikatakan definisi yang ditafsirkan oleh *Qanun Madani* adalah bertepatan dengan definisi yang dikemukakan oleh sarjana syariah, ahli qanun dan ekonomi, serta ulama-ulama yang lain.

Daripada definisi yang diutarakan, kita dapat mengetahui tentang rukun-rukun insurans iaitu:

1. Wujudnya ijab dan qabul antara pemegang polisi dengan syarikat insurans.
2. Wujudnya perkara yang hendak diinsuranskan.
3. Pemegang polisi membayar premium kepada syarikat insurans.
4. Jaminan syarikat insuran terhadap kecelakaan yang berlaku terhadap perkara yang diinsuranskan.


### ***Ciri-ciri Insurans***

Terdapat enam ciri yang diutarakan dan dibincangkan di dalam persoalan insurans. Ciri-ciri tersebut ialah:

1. Akad insurans adalah dari akad saling meredai: hal ini dapat dilihat dengan berlakunya ijab dan qabul antara kedua-dua belah pihak (pemegang polisi dan syarikat insurans).
2. Akad yang mengiltizamkan kedua-dua pihak: setelah berlangsungnya akad antara kedua-dua pihak, maka pemegang polisi mesti beriltizam untuk membayar wang premium yang ditetapkan.

3. Akad yang *ihimali* atau *gharar*: iaitu sesuatu yang tidak dapat dikenal pasti sama ada akan berlaku atau tidak berlaku. Sekiranya berlaku bencana terhadap pemegang polisi maka dia berhak untuk mendapatkan pampasan dari syarikat insurans.
4. Akad yang berterusan: maka perlulah bagi kedua-dua pihak melunaskan tuntutan di dalam kontrak akad selagi tidak terbatal akad.
5. Akad yang *idz'an*: iaitu pemegang polisi terpaksa tunduk dan mengikut kepada apa yang ditentukan oleh syarikat sedangkan apa yang ditentukan oleh syarikat belum tentu adil.
6. Akad insurans adalah jenis akad *mu'awadzah*: ini menunjukkan bahawa akad insurans adalah berbentuk perniagaan untuk mengaut keuntungan daripada pertukaran yang berlaku.

### *Jenis-jenis Insurans*



1. Insurans Kemalangan: memberikan perlindungan terhadap kecederaan atau kematian kerana ditimpa kemalangan seperti kemalangan di jalan raya, jatuh pokok, dan sebagainya. Jumlah ganti rugi bergantung kepada nilai insurans dan bagaimana paras kecederaan atau kecacatan. Premium ditentukan berdasarkan umur, jenis pekerjaan, dan nilai insurans. Antara jenis insurans kemalangan termasuklah insurans motor, insurans kemalangan peribadi, insurans liabiliti majikan, dan insurans liabiliti awam.
2. Insurans Kebakaran: memberikan perlindungan terhadap kerugian yang berpunca daripada kebakaran.
3. Insurans Hayat: membayar ganti rugi atas kerugian yang disebabkan oleh kematian, kecacatan, dan hilang upaya. Insurans hayat melindungi risiko yang pasti akan berlaku lambat launnya, iaitu kematian. Hal ini berbeza dengan insurans lain yang melindungi risiko yang mungkin akan berlaku atau tidak akan berlaku. Insured boleh mengambil nilai insurans yang tinggi daripada banyak insurer. Jenis-jenis insurans hayat:
  - (a) Insurans hayat seumur hidup;
  - (b) Insurans endowmen;
  - (c) Insurans hayat penggal/sementara.Kebaikan insurans hayat:
  - (a) Masa depan terjamin.
  - (b) Pelaburan yang menguntungkan.
  - (c) Pengecualian cukai.
  - (d) Himpunan nilai.
  - (e) Dapat memperoleh pinjaman.
  - (f) Lebih yakin menjalani kehidupan.
4. Insurans Marin: memberikan perlindungan kepada kapal laut serta muatannya, termasuk anak kapal, penumpang, dan kargo terhadap risiko semasa di laut.
5. Insurans Penerbangan: memberikan perlindungan terhadap risiko yang berkaitan dengan penerbangan sama ada di udara, semasa mendarat, atau semasa berlepas.
6. Insurans Lain: seperti Insurans Kecurian, Insurans Jaminan Setia, Insurans Kesihatan, Insurans Pendidikan, dan Insurans Gadaian.